

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (47)

14 April 2026/
25 Syawal 1447

PEKELILING AKADEMIK BIL. 5/2026

PELAKSANAAN KAWALAN OPERASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DALAM MENANGANI KRISIS TENAGA GLOBAL

Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 17/2026 berkaitan Pelaksanaan Kawalan Operasi Kampus UTM Dalam Menangani Krisis Tenaga Global bertarikh 14 April 2026 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran juga akan terkesan daripada pekeling ini.

Sehubungan dengan pelaksanaan ini, bagi memastikan kelancaran pengurusan akademik serta keselarasan operasi Universiti, **semua staf akademik adalah dimohon untuk tidak mengadakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara fizikal pada hari Selasa dan Khamis** dengan ketetapan berikut :

- i. **Hari Selasa – Aktiviti P&P adalah dibenarkan tetapi perlu membuat permohonan kepada pihak Universiti melalui TNC (A&A). Kebenaran khas ini terhad kepada aktiviti P&P yang mustahak sahaja**
- ii. **Hari Khamis – Tidak dibenarkan aktiviti secara fizikal dan tiada kebenaran khas akan diberikan.**

Perkara ini merangkumi semua bentuk aktiviti akademik seperti berikut pada hari **Selasa** dan **Khamis**:-

- i. **Kuliah – Secara dalam talian**
- ii. **Tutorial – Secara dalam talian**
- iii. **Aktiviti makmal , studio, bengkel – Dijadualkan semula mengikut keperluan pekeling kecuali hari Selasa perlu memohon kebenaran khas**
- iv. **Ujian dan Peperiksaan akhir – Dijadualkan semula mengikut keperluan pekeling kecuali hari Selasa perlu memohon kebenaran khas**
- v. **Sesi bimbingan atau konsultasi secara fizikal – tidak dibenarkan pada hari Selasa dan Khamis**

Dalam tempoh pelaksanaan operasi kampus UTM, pihak Universiti telah menetapkan urusan Viva akan diadakan sepenuhnya secara dalam talian dari hari Isnin hingga Jumaat (tiada kebenaran khas boleh dikemukakan). Pelaksanaan ini akan berkuat kuasa sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Kerjasama semua fakulti, jabatan, institut dan pusat amatlah dihargai bagi memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan dengan lancar dan berkesan. Staf akademik dan pelajar diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan. Lain-lain perkara perlu merujuk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar.


Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta sehingga dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah Eksekutif/ Pengarah